

## TUNTUTAN NAFKAH *KIFAYAH* DAN *MA'RUF* ANAK-ANAK DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

**Zuliza Mohd Kusrin, Zaini Nasohah, Nurhidayah Muhammad Hashim, Latifah Abdul Majid, Che Maryam Ahmad, Mat Noor Mat Zain.**

**Kata kunci:** nafkah anak-anak, kifayah dan ma'ruf, Mahkamah Syariah, tuntutan, kadar semasa.

**Abstrak.** Nafkah anak adalah antara hak anak yang digariskan dalam Islam dan diperundangkan dalam statut undang-undang keluarga Islam di negara ini. Ia boleh dituntut di mahkamah apabila berlaku pengabaian daripada pihak bapa atau orang yang dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang, sama ada semasa perkahwinan masih berlangsung atau selepas berlaku perceraian. Semasa membuat permohonan tuntutan nafkah tersebut, pihak yang menuntut, (kebiasaannya pihak ibu) perlu meletakkan beberapa perkara sebagai tuntutan nafkah yang dianggap tanggungjawab bapa. Semasa proses perbicaraan, Hakim akan mempertimbangkan sama ada item yang dipohon termasuk dalam takrif kadar *kifayah* dan *ma'ruf* berdasarkan keperluan semasa anak-anak tersebut dan menetapkan jumlah yang dianggap bersesuaian untuk anak terlibat. Artikel ini bertujuan membincangkan konsep kadar *kifayah* dan *ma'ruf* bagi nafkah anak-anak daripada sudut fiqh dan perundangan, di samping menganalisa beberapa kes tuntutan nafkah di beberapa Mahkamah Syariah di Malaysia berkenaan penetapan kadar nafkah yang diputuskan oleh para hakim. Data dianalisis secara deskriptif dan tematik. Dapatan menunjukkan bahawa takrifan *kifayah* dan *ma'ruf* bagi nafkah anak-anak menurut Akta serta Enamen Undang-undang Keluarga Islam boleh dianggap sejajar dengan pendapat fiqh, namun belum begitu selaras dalam kalangan para hakim. Kajian turut mendapati skop tuntutan nafkah anak-anak di Mahkamah Syariah kini telah melalui beberapa perubahan sejajar dengan perkembangan ekonomi dan keperluan semasa anak-anak. Ia tidak hanya mencakupi aspek makanan, pakaian dan tempat tinggal sahaja, tetapi dilebarkan kepada tuntutan sampingan lain seperti belanja tahunan, persekolahan, persiapan sambutan Hari Raya, kelas-kelas tambahan serta percutian. Artikel ini turut mengetengahkan beberapa isu melibatkan amalan di mahkamah yang perlu kepada penambahbaikan.

### 1.0 PENGENALAN

Antara hak anak yang dipertanggungjawabkan ke atas bapa adalah urusan pemberian nafkah. Ia bertujuan untuk memastikan keperluan dan kebajikan anak akan terpelihara sehingga mereka mampu berdikari dan menguruskan diri sendiri. Selalunya nafkah anak tidak begitu menjadi masalah semasa pasangan ibu bapa berlangsung dengan baik. Namun begitu, ia kerap menjadi isu apabila berlaku perceraian dan anak-anak tinggal dengan ibu, atau pun apabila bapa berpoligami dan mempunyai anak-anak daripada keluarga yang lain. Justeru, urusan ini bukan sahaja dibincangkan di bawah perbincangan fiqh semata, tetapi telah diperundangkan demi menjaga kebajikan anak-anak yang terlibat dalam masalah sebegini.

### 2.0 KADAR KIFAYAH DAN MA'RUF NAFKAH ANAK-ANAK

Pemberian nafkah ke atas anak-anak merupakan hak penerima yang seharusnya ditunaikan berasaskan kadar *kifayah* (mencukupi) dan *ma'ruf* (baik). Hal ini jelas dinyatakan dalam beberapa ayat di dalam al-Qur'an yang menyentuh mengenai penentuan nafkah yang antara lain mengambilkira kemampuan bapa serta keperluan anak-anak. Ini ditunjukkan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Talaq: 7 yang bermaksud:

*“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan”.*

Berhubung dengan nafkah ke atas setiap anak, Jumhur ulama bersependapat bahawa nafkah anak dan cucu, yang dikategorikan di bawah nafkah kerabat yang harus diselenggarakan mengikut kadar yang mencukupi. Ia merangkumi roti atau bahan-bahan pelengkap bagi makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan penyusuan jika ia sedang menyusu. (Wahbah al Zuhaili 1987). Kadar tersebut mengikut kemampuan orang yang menanggung nafkah dan adat atau uruf kebiasaan di negara yang terlibat. Kepentingan pelaksanaan tanggungjawab ini ditunjukkan melalui hadith Rasulullah saw kepada Hindun yang bermaksud:

*“Daripada Ai'shah r.a. berkata: Bahawasanya Hindun telah berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Abu Sufyan itu adalah seorang yang bakhil. Dia tidak memberi nafkah dengan secukupnya kepada saya dan juga anak saya kecuali apa yang saya ambil darinya tanpa pengetahuannya. Rasulullah saw bersabda: Ambillah apa yang mencukupi untukmu dengan kadar yang sepatutnya (ma'aruf)”.*

Hadis di atas memberi panduan bahawa isteri dibenarkan untuk mengambil harta kepunyaan suami bagi mencukupi keperluan bagi menanggung nafkah diri dan anak yang bersesuaian atau kadar yang sepatutnya (*ma'aruf*). Keadaan ini dibenarkan jika suami enggan atau tidak bertanggungjawab dalam menunaikan pemberian nafkah sedangkan berkemampuan dan mempunyai harta yang boleh menanggung keperluan isteri dan anak.

Al-Kahlawi (2005M/1424H) menghuraikan maksud *kifayah* sebagai keperluan yang diperlukan oleh seseorang anak seperti makanan, minuman, tempat tinggal, susu, bayaran khidmat penjagaan, bayaran perubatan, semua ini berdasarkan kepada keperluan anak tersebut. Pendapat al-Kahlawi amat bersesuaian kerana merangkumi keseluruhan keperluan anak-anak iaitu makanan, tempat tinggal, susu, bayaran perkhidmatan penjagaannya dan bayaran perubatan. Namun dewasa ini pelajaran/pendidikan juga merupakan keperluan yang perlu diberikan kepada anak-anak (Abu Suffian & Zaini Nasohah 2012).

Pendapat ini juga turut dipersetujui oleh ulamak fiqh yang lain yang menyatakan bahawa anak wajib diberikan nafkahnya dengan kadar yang mencukupi berdasarkan keperluan, adat kebiasaan tempat ia tinggal serta kemampuan orang yang menanggung nafkah. Kadar tersebut mungkin tidak mempunyai jumlah yang tetap tapi penilaian hendaklah diberikan mengikut kadar, harga dan bayaran semasa. Ini kerana kadar tersebut sentiasa berubah-ubah namun asas yang turut diberi perhatian adalah mengenai kemampuan bapa.

**3.0 PERUNTUKAN NAKFAH ANAK MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DAN ANALISA KES MAHKAMAH**

Hak anak untuk mendapat nafkah yang bersesuaian dan munasabah telah diperuntukkan dalam semua kod undang-undang keluarga Islam di Malaysia, walaupun dalam peruntukan seksyen yang agak berbeza. Untuk tujuan laporan, artikel ini akan merujuk kepada dua statut sahaja iaitu Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (selepas ini disebut AUUKI 1984) dan juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 (selepas ini disebut EUUKIK 2002).

Seksyen 72 AUUKI 1984 memperuntukan:

“(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya”.

Perkara yang hampir sama boleh dilihat dalam seksyen 73 EUUKIK 2002 yang memperuntukkan:

“(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya”.

Peruntukan ini menunjukkan bahawa seorang bapa wajib memberikan nafkah kepada anaknya, sama ada semasa perkahwinan masih berlangsung dan juga selepas berlaku perceraian. Kewajipan tersebut dianggap berterusan sehingga mahkamah memutuskan sebaliknya tanpa mengira dengan siapa anak tersebut tinggal. Undang-undang turut menyenaraikan dengan jelas lima perkara yang dianggap nafkah anak iaitu, tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran anak. Pemberiaan nafkah tersebut juga adalah berdasarkan kemampuan bapa dan taraf kehidupan bapa, sama ada dengan menyediakan sendiri keperluan tersebut atau memberikan kos untuk membayar semua yang anaknya perlukan.

Berdasarkan kes-kes tuntutan nafkah yang pernah diputuskan oleh mahkamah, didapati bahawa mahkamah secara umumnya ada menyentuh beberapa perkara dalam menentukan kadar nafkah anak. Pertama, kemampuan dan keperluan anak, kedua, taraf kehidupan sibapa, ketiga, masa depan anak dan keempat, perkembangan hidup anak terlibat. Contohnya dalam kes *Rokiah lwn Abdul Aziz* [1998] 4(1) JH 156-16 yang diputuskan di Mahkamah Syariah Tumpat, Kelantan. Kadi Tumpat menyatakan bahawa kadar nafkah yang dipertimbangkan adalah mengikut kemampuan serta keperluan pihak-pihak. Dalam kes ini Mahkamah Kadi Tumpat telah memutuskan bahawa pihak bapa yang berpendapatan sebanyak RM382.50 sebulan (hasil daripada pencen tentera) dianggap berkemampuan untuk membayar RM 145.00 sebulan untuk keperluan nafkah empat orang anak yang tinggal dengan bekas isterinya. Hakim telah membahagikan kepada anak pertama sebanyak RM40.00 sebulan, anak kedua sebanyak RM30.00 sebulan, anak ketiga sebanyak RM30.00 sebulan dan anak keempat sebanyak RM30.00 sebulan

Kemampuan bapa juga turut disebut dalam kes *Mohd Hassan lwn Siti Shahridza* (JH XV111/11, 2004). Kes ini merupakan kes rayuan yang dibawa ke Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu Kelantan berkenaan rayuan mengubah perintah nafkah anak atas alasan kemampuan bapa tidak dibuktikan semasa keputusan dibuat. Pihak Isteri yang telah mendapat hak hadhanah telah memohon nafkah anak di Mahkamah Rendah Syariah Pasir Mas dan diputuskan nafkah bagi tiga orang anak yang berusia 4, 7 dan 9 tahun adalah RM1100 sebulan. Keputusan ini telah dirayu kepada Mahkamah Tinggi Syariah atas alasan bahawa aspek kemampuan bapa tidak dibuktikan dalam menentukan kadar yang diperintahkan. Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat keputusan mengekalkan keputusan Mahkamah Rendah Syariah tanpa kehadiran perayu dan memerintahkan pembayaran kos sebanyak RM2000. Pihak bapa kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu.

Apa yang berlaku dalam kes ini, Mahkamah Rayuan Syariah telah menerima rayuan bapa dan membatalkan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu. Jumlah nafkah anak telah direndahkan kepada RM700 sebulan sahaja (RM300 untuk anak pertama, RM200 untuk anak kedua dan RM200 untuk anak ketiga). Turut dinyatakan bahawa kewajipan tersebut berterusan sehingga kanak-kanak itu akil baligh dan dapat berdikari, atau berkahwin atau apa-apa perintah lain yang diputuskan oleh mahkamah. Panel Rayuan telah menyentuh isu permohonan semula sekiranya perlu dengan menyatakan bahawa anak-anak tersebut masih kecil dan jumlah yang diputuskan dianggap berpatutan untuk keperluan mereka pada ketika itu. Nafkah anak boleh dipohon untuk ditambahkan apabila umur anak meningkat dan keperluan anak bertambah.

Semasa kes ini dibicarakan di peringkat Mahkamah Rendah Syariah, Hakim Syarie ada menjelaskan bahawa ketiga-tiga anak yang berada di bawah jagaan ibunya memerlukan pengawasan, penjagaan dan pemakanan serta pakaian yang secukupnya dan jumlah keperluan tersebut wajib ditanggung oleh bapa mereka. Hakim dalam kes ini dengan jelas telah mengupas keperluan anak-anak yang terlibat dalam menentukan kadar nafkah. Namun demikian, apakah yang dimaksudkan sebagai kemampuan pemberi nafkah tidak dinyatakan dalam penghakiman ini. Bagi nafkah anak, diperjelaskan lagi maksud keperluan merangkumi tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran.

Kajian terhadap kes yang diputuskan turut mendapati sesetengah hakim telah membuka ruang yang lebih lebar kepada definisi nafkah anak. Ia berkemungkinan berkaitan dengan keperluan anak-anak telah berubah mengikut peredaran zaman. Istilah munasabah digunapakai di dalam undang-undang sebagai suatu kelonggaran kepada Mahkamah untuk melihat keperluan asasi dan bukannya kehendak atau keinginan terhadap suatu keperluan yang mendesak (Abu Suffian dan Zaini Nasohah, 2012) Asasnya, bentuk nafkah mencakupi aspek makanan, pakaian, perbelanjaan sekolah dan perubatan. Namun dewasa ini trend sebahagian masyarakat yang seringkali menyediakan keperluan tambahan kepada anak-anak seperti percutian, program-program cuti sekolah berbayar, kelas-kelas pertahanan diri, kelas-kelas renang, muzik, memanah dan sebagainya telah menjadi antara item yang dituntut dalam menentukan kadar nafkah anak-anak.

Dalam kes *Rooseliwati lwn Syed Farouk* (JH, 2013, 36 Bhg. 1 hlm. 100-142) Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan menfardhukan dan memerintahkan bapa membayar kepada ibu sebagai penjaga untuk nafkah dua orang anak sebanyak RM1,200 sebulan. Ia dipecahkan kepada upah penjagaan dua orang anak tersebut yang merangkumi kos perubatan, perbelanjaan tahunan persekolahan, persediaan Hari Raya dan pembiayaan dua orang anak tersebut. Namun, tuntutan kos percutian dua anak tersebut telah ditolak oleh mahkamah. Walaupun kes ini diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, ia masih boleh dijadikan rujukan oleh mahkamah Syariah negeri-negeri lain dalam mempertimbangkan item dalam tuntutan nafkah masa kini yang jelas mengalami evolusi.

Berdasarkan penghakiman kes yang dilaporkan, bentuk-bentuk nafkah anak yang dituntut juga semakin pelbagai, tidak terhad kepada nafkah tempat tinggal, makanan dan pakaian di peringkat keperluan sahaja. Skop nafkah anak juga didapati semakin luas sehingga meliputi aspek pendidikan tambahan (Zaini Nasohah 2012). Walau bagaimanapun, peruntukan berkenaan dengan nafkah ini tertakluk pada keupayaan bapa atau individu atau pihak yang dipertanggungjawabkan selepas bapa.

Dalam kes *Roslaili Dan Seorang Yang Lain lwn. Ahmad Azaman* (1427H, JHXXI, hlm. 101-113), Mahkamah Tinggi Syariah Selangor memutuskan bahawa defendan difardukan membayar nafkah bagi anak-anak yang terlibat mengikut kemampuan dan/atau tidak kurang dari RM300 sebulan. Selain itu defendan juga perlu memperuntukkan perbelanjaan persekolahan, perubatan dan keperluan perayaan bagi anak-anak tersebut mengikut keperluan dan apabila dimaklumkan. Namun begitu, kajian turut mendapati bahawa sesetengah Hakim telah menolak tuntutan ke atas perkara yang dikategorikan bukan keperluan (*dharuriyyat*). Contohnya dalam kes *Siti Nazatulshima lwn. Abdul Aziz* (1437H/2016Mac, JH 42 BHG.1 hlm. 60-72), Mahkamah Rayuan Negeri Selangor telah menolak tuntutan nafkah anak untuk perbelanjaan yang bersifat “*tahsiniyyat*” dan terlampau mewah. Antaranya ialah kekerapan menjamu selera di restoran-restoran mewah atau hotel yang bertaraf bintang, bayaran bagi hiburan “entertainment” antaranya di TGV Cinema, Kids Cinema The Tower, Kidzania dll, perbelanjaan paker kereta di kompleks membeli belah, kekerapan perbelanjaan di pusat membeli belah dan sebagainya. Ia dianggap bukanlah perbelanjaan asasi “*dharuriyyat*” anak-anak tersebut tetapi lebih kepada kehidupan tahsiniyat dan bermewah-mewah.

4.0 ISU BERBANGKIT DALAM KES TUNTUTAN NAFKAH ANAK

Daripada kajian kes yang dikaji, didapati umumnya mahkamah Syariah meletakkan kemampuan bapa dan keperluan anak-anak sebagai perkara penting yang dipertimbangkan. Namun begitu, keputusan agak berbeza-beza kerana ketiadaan satu cara yang standard yang dinilai oleh mahkamah iaitu bagaimana kemampuan bapa perlu ditunjukkan, dan bagaimana keperluan anak perlu ditaksirkan. Ia mengakibatkan penghakiman dan penilaian ke atas bentuk-bentuk tuntutan nafkah anak berbeza dan berubah-ubah.

Walaupun telah wujud peruntukan undang-undang tentang hak nafkah anak, namun ia terlalu umum dan tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kemampuan suami dan keperluan pihak-pihak iaitu isteri dan anak. Implikasi daripada peruntukan undang-undang yang terlalu umum, ketidakjelasan mengenai pertimbangan faktor-faktor yang digunapakai oleh hakim semasa memutuskan penetapan kadar nafkah anak-anak menyebabkan pentafsiran *kifayah* dan *ma'aruf* sukar untuk direalisasikan (Raihana Azhari et. al. 2012). Keadaan sedemikian membuktikan bahawa peruntukan undang-undang sedia ada umum dan tiada sebarang garis panduan untuk membantu hakim mentafsir keperluan anak dan kemampuan bapa.

Sering berlaku, kadar nafkah yang ditetapkan mahkamah jauh lebih rendah dari keperluan sebenar anak yang terlibat. Ia menyebabkan timbul rasa tidak puas hati oleh pihak yang menuntut (Abu Suffian 2012). Hal ini terbukti melalui kewujudan aduan daripada para ibu tunggal menyatakan jumlah tuntutan yang diluluskan oleh mahkamah tidak mencukupi untuk menampung nafkah anak mereka yang tinggal dengan ibu (Zaleha et.al. 2007).

Dalam beberapa kes yang diputuskan didapati para hakim bergantung sepenuhnya kepada budibicara mereka dalam melihat keperluan anak dan kemampuan bapa. Kajian terdahulu menunjukkan ketiadaan garis panduan menyebabkan hakim berbeza dalam mengambil pendekatan dalam memutuskan kes nafkah anak. Antaranya seperti terdapat hakim yang mentafsirkan kadar *kifayah* (mencukupi) kepada keperluan anak hanyalah untuk memenuhi *daruriyyat* sahaja.

Perkara ini boleh dilihat dalam kes *Siti Nazatulshima lwn. Abdul Aziz* (1437H/2016, JH 42 BHG.1 hlm. 60-72) di mana Mahkamah Rayuan Negeri Selangor ada merujuk kepada Dr Ablah di dalam kitabnya *Al-Bunuwwah Wa al-Ubunuwah* semasa menghuraikan maksud keperluan anak-anak. Dinyatakan bahawa “al-Kifayah” ialah “keperluan yang diperlukan oleh seorang anak seperti makanan, minuman, tempat tinggal, susu, bayaran khidmat penjagaannya, bayaran perubatan, semua ini berdasarkan kepada keperluan anak tersebut.” Namun begitu, Mahkamah telah mengambil pendekatan yang agak ‘ketat’ dengan menyebut bahawa yang dimaksudkan di sini ialah keperluan “*dharuriyyat*” iaitu keperluan wajib dan asasi anak tersebut iaitu pakaian, tempat tinggal dan pelajaran mereka yang diperlukan untuk hidup dan bukan bermewah-mewahan.

Begitu juga dengan mentaksirkan kemampuan bapa. Ada mahkamah yang menentukan jumlah nafkah anak selepas menolak keperluan bapa sendiri. Ada juga yang menilai kemampuan bapa selepas menolak jumlah yang bapa perlukan untuk diri sendiri dan keluarga barunya, tanpa melihat keperluan anak yang dipertikaikan. Dalam beberapa kes yang dikaji, didapati penilaian hakim adalah berbeza dalam menentukan kemampuan bapa yang bekerja sendiri dengan yang “makan gaji”. Terdapat kes di mana bapa yang bekerja sendiri turut diminta mengetengahkan slip gaji sepertimana mereka yang ‘makan gaji’.

Lebih menyulitkan lagi apabila beban membuktikan kemampuan atau pendapatan diletakkan ke atas bahu ibu. Pendekatan ini agak mengejutkan kerana ibu bertindak hanya sebagai wakil anak yang menuntut hak mereka untuk nafkah. Apabila ibu diletakkan beban bukti yang ketat, maka ia sebenarnya boleh menyebabkan hak anak kepada nafkah telah dinafikan. Dalam beberapa kes yang diputuskan di mahkamah Syariah, terdapat hakim yang meminta ibu membuktikan pendapatan bapa untuk mengesahkan kemampuan bapa, sedangkan ibu, dalam banyak keadaan tidak mempunyai akses kepada slip gaji bapa. Apatah lagi dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang melindungi data peribadi bapa (Nurhidayah & Tim 2013).

Pendekatan ini boleh dilihat dalam kes *Siti Norzatulshima lwn Abdul Aziz* (1437H/2016, JH 42 BHG.1 hlm. 60-72), yang melibatkan rayuan pihak bapa bagi merendahkan jumlah nafkah anak, Mahkamah Rayuan menyebut:

“Kami bersetuju dengan penghujahan Perayu dan Kami dapati Responden gagal membuktikan secara dokumen atau membawa saksinya bagi menyokong keterangannya bahawa beliau berbelanja sebulan sebanyak RM8000 dan beliau juga gagal meyakinkan Mahkamah berkenaan ketidakmampuannya untuk menjelaskan nafkah RM2500 yang telah diperintahkan Mahkamah pada 11/9/2007. Walaubagaimanapun, Kami berpendapat apa yang kami putuskan nanti hendaklah merujuk kepada status pekerjaan Responden yang telah berubah daripada pekerjaannya di tahun 2007 sebagaimana yang dipersetujui kedua pihak dan perbelanjaan sebenar anak-anak tersebut mengikut uruf dan kebiasaan kelas pertengahan di Shah Alam ...”

Kesulitan berganda yang diletakkan ke atas bahu ibu boleh dilihat dalam penghakiman kes *Siti Aishah lwn Syaiful* (Kes Mal No. 10010-022-0328- 2016). Dalam kes ini ibu memohon nafkah anak yang berada dalam jagaannya. Mahkamah menyebut bahawa jika ibu mengatakan perbelanjaan anaknya bertambah, ibu juga perlu membuktikan orang yang akan menampung perbelanjaan anak (iaitu bapa) itu juga berkemampuan dan selari dengan penambahan tuntutan nafkah anaknya. Pendekatan ini boleh menyebabkan ibu yang membawa kes untuk menuntut nafkah anak, bagi pihak sianak yang dijaganya menjadi lebih susah dan sukar untuk membantu anak mereka mendapat hak mereka.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati kepelbagaian fakta kes yang melibatkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang ekonomi dan taraf kehidupan menyebabkan penentuan kadar nafkah untuk setiap kes perlu kepada penelitian khusus sebelum sesuatu penghakiman dibuat. Kes-kes tersebut juga memperlihatkan kepelbagaian pendekatan hakim dalam mentafsirkan maksud kifayah dan budibicara yang mereka gunakan dalam menilai kemampuan bapa dan keperluan anak. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk diwujudkan suatu formula tersendiri berkenaan pengiraan nafkah anak-anak di negeri-negeri di Malaysia. Ia dapat memastikan keadilan ke atas anak yang berhak ke atas nafkah daripada bapa mereka. Apatah lagi, kebanyakan negara moden sudah menambah baik amalan pentaksiran dan penguatkuasaan kes tuntutan nafkah anak di negara mereka. Contohnya di *California* pengiraan kadar nafkah dikira berdasarkan formula yang disediakan oleh *Department of Child Support Services* (CDoCSS 2010). Sistem tersebut diperkenalkan bertujuan membantu golongan professional undang-undang keluarga dan mahkamah serta pihak-pihak terlibat (Zaini Nasohah 2012). Tambahan lagi, panduan berkenaan kadar nafkah tersebut juga amat diperlukan oleh masyarakat berdasarkan banyak pertanyaan dibangkitkan oleh orang awam tentang jumlah nafkah anak-anak yang wajar mereka tuntutan dari bekas suami (forum.cari.com.my 2015).

Seterusnya kajian oleh Nur Hidayah Hashim (2016) mendapati garis panduan penentuan kadar nafkah tersebut amat perlu diwujudkan sebagai panduan para hakim di mahkamah Syariah negeri-negeri, bagi menambahbaik penghakiman kes-kes tuntutan nafkah anak-anak di Mahkamah Syariah. Beliau juga mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan pengiraan kadar nafkah anak yang boleh diwujudkan dengan mengambil contoh amalan di Australia, United Kingdom dan Kanada.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2016/SS103/UKM/02/4) yang bertajuk Pembinaan Formula Pengiraan Kadar Nafkah Anak Untuk Mahkamah Syariah di Malaysia.

RUJUKAN

Abu Suffian Abu Yaziz, Zaini Nasohah. 2012. Pengiraan Kadar Nafkah di Mahkamah Syariah. Jurnal Hukum, Jil. 35 Bahagian. 1.

Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan 2011). Kuala Lumpur: Percetakan Negara.

Badruddin Ibrahim, Azizah Mohd. 2012. Hak Anak Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam: Sejauhmana Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya. Jurnal KANUN. 25 KANUN (2).

Department of Child Support Services (CDoCSS). 2010. <http://www.childsup.ca.gov/portals/O/resourses/docs/GdlnCalculator.pdf>.

Anon. 2008. Kes Tuntutan Nafkah Isteri dan Anak. Kes Rayuan Mal Bil. 14500-024-0010-2007 dan 15400-018-0011-2007. Jurnal Hukum, 30(1) 111

Al-Khind, al-Bugha, al-Sharbajiy. 2012. Al-Fiqh al-Manhajiy ‘ala Madhhab al-Shafi’iyy. Beirut: Dar al-Qalam mforum.cari.com.my. 2015. <http://mforum.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=371629>

Nik Noriani Nik Badlishah. 1994. Undang-undang keluarga: Nafkah dan Hak Kewangan Lain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noraini Mohd Hashim, Roslina Che Soh. 2009. Pengiraan Kadar Nafkah. Kertas Bengkel Proses Penyaluran Dana Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM.

Nur Hidayah Muhammad Hashim. 2016. Pengiraan Kadar Nafkah Anak Berdasarkan Negara Moden. Kertas Syarahan

Perdana Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) 2016.

Raihanah Azahari. 2011. Penentuan Kadar Kifayah dan Makruf Nafkah Anak dan Isteri: Rujukan Khusus Kepada Keputusan Penghakiman. Prosiding Konferensi International Islam di Dunia Melayu. Bandung: UIN Sunan Gunung Djati.

Zaini Nasohah. 2004. Hak Wanita Selepas Perceraian. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Zaini Nasohah. 2010. Masalah Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah dari Perspektif Peguam Syarie. Jurnal Undang-undang dan Masyarakat. Jld. 14

Zaini Nasohah & Suwaid Tapah. 2011. Analisa Prosiding Saman Penghutang Penghakiman dalam Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat. Jil. 15

Zaini Nasohah. 2012. Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Menentukan Kadar dan Bentuk Nafkah. Jurnal Hukum, Jild. 35 Bahagian. 1.

Al-Zuhayli, Wahbah. 2014. Al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh. Beirut: Dar al-Fikr